



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 1 TAHUN 2006**

**PENERIMAAN DATA DIGITAL MELALUI *e-SUBMIT*
OLEH JUPEM NEGERI**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan



IBU PEJABAT JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

(Director General of Survey and Mapping Malaysia)

TINGKAT 11, WISMA TANAH
JALAN SEMARAK
50578 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Jabatan Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Telefon : 03-2692 5932

03-2617 0800

Fax : 03-2691 7457

E-Mail hamidali@jupem.gov.my

Rujukan Kami : JUPEM 18/7/ 2.146 (13)

Tarikh : 29 Ogos 2006

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 1 TAHUN 2006

PENERIMAAN DATA DIGITAL MELALUI *e-SUBMIT* OLEH JUPEM NEGERI

Merujuk kepada perkara di atas, Jabatan telah mewajibkan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) mengemukakan data ukuran kadaster berdigit sepenuhnya kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri selaras dengan pelaksanaan sepenuhnya *Field-to-Finish (F2F)* di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Arahan penghantaran data berdigit yang mengandungi 16 fail ASCII telah dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 11 Tahun 2005 bertarikh 29 September 2005.

2. Walau bagaimana pun didapati terdapat sebilangan JTB menghadapi masalah untuk menghantar data berdigit tersebut yang mana secara langsung telah memberi kesan kepada pencapaian kemajuan kerja Jabatan. Bagi mengatasi masalah tersebut JUPEM telah memperkenalkan modul *e-Submit* bertujuan membolehkan JTB menghasilkan data ukuran digital untuk dihantar ke JUPEM Negeri.

3. Carta alir proses dan penerimaan kerja melalui *e-Submit* adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Data ukuran digital boleh dihantar ke JUPEM Negeri melalui kaunter atau *e-Lodgement*. JTB yang menghantar data ukuran digital melalui modul *e-Submit* ke JUPEM Negeri tidak perlu mengemukakan *hardcopy* buku kerjalar.

5. Walau pun JTB sepatutnya melaksana dan mengemukakan hasil kerja digital sepenuhnya mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 11 Tahun 2005 bagi kerja-kerja yang nombor lotnya dikeluarkan selepas 1 Januari 2006, namun JTB diberi kelonggaran menghantar hasil kerja tersebut melalui modul *e-Submit* ini.

6. Surat Pekeliling Ketua Pengarah dan Pemetaan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan penghantaran data ukur berdigit oleh JTB menggunakan modul ini adalah dibenarkan sehingga **30 Jun 2007**.

7. Walau bagaimana pun JTB adalah digalakkan menggunakan "*Title Survey Module*" (TSM) dalam kerja pengukuran mulai sekarang bagi memahirkan penggunaannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia


Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Edaran Luaran:

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

CARTA ALIR PROSES DAN PENERIMAAN KERJA MELALUI MODUL *e-SUBMIT*



1

Save 6 ASCII melalui LLSM
untuk eSRS data lodgement dan
SPEK PC processing

Pengarah Ukur meluluskan
PA.tiff secara digital melalui DEP
LS

Kemaskini PDUK

Tamat

